

05/05/2001

Bahagian perisikan dipertingkat

Rahman Hashim; Mohd Helmy Abd Talib

MELAKA, Jumaat - Polis akan meningkatkan lagi bahagian perisikan bagi membantu mengurangkan lagi kes jenayah di negara ini, kata Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Jamil Johari.

Beliau berkata, walaupun peratusan kadar jenayah di seluruh negara menurun kepada 8.3 peratus dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, kejadian jenayah membabitkan bekas penagih, masih sukar dikawal.

Katanya, kebanyakan penagih dadah yang terbabit semula dalam kejadian jenayah adalah disebabkan sikap masyarakat sendiri yang enggan menerima mereka semula.

Beliau berkata, disebabkan mempunyai rekod jenayah sebelum ini, penagih terbabit sukar diterima bekerja sekali gus mereka mengulangi semula perbuatan lama untuk menyara hidup.

"Setakat ini, polis sudah mendapat kerjasama Pemadam, sekolah serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO) untuk menangani masalah penagih dadah," katanya selepas Mesyuarat Susulan Pencegahan Jenayah Negeri Melaka di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Polis Negeri, Datuk Abdul Malek Abdul Hamid dan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Mohamad Salim Abas.

Jamil berkata, melalui perisikan polis berharap dapat mengumpulkan lebih banyak maklumat sama ada daripada orang awam, sekolah mahupun NGO bagi memudahkan tindakan susulan diambil.

Ditanya mengenai tindakan pihak tertentu yang tidak mahu tampil ke depan menjadi saksi bagi sesuatu kes jenayah, beliau berkata, polis sememangnya menyedari masalah berkenaan.

"Berdasarkan maklumat yang ada, kebanyakan saksi bimbang pihak yang dituduh akan mengambil tindakan balas dendam terhadap mereka atau ahli keluarga mereka," katanya.

Jamil berkata, disebabkan masalah itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri sudah meminta supaya akta sedia ada, dikaji semula bagi membolehkan saksi mahkamah mendapat perlindungan sewajarnya.

Katanya, kerjasama orang ramai begitu diperlukan bagi membantu polis membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan dan polis memberi jaminan akan memberikan perlindungan sewajarnya kepada mereka.

Dalam pada itu, dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, sejumlah 39,800 kes jenayah dicatatkan di seluruh negara, berbanding 43,500 kes yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, penurunan 3,600 kes atau 8.3 peratus itu bermakna polis mampu menyelesaikan 31 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan.

"Sasaran polis sebelum ini adalah 35 peratus manakala sasaran yang diberikan oleh Interpol pula ialah 20 peratus.

"Di Melaka saja, daripada 1,300 kes yang dilaporkan sepanjang tiga bulan pertama tahun ini, 35.4 peratus kes jenayah diselesaikan," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan, empat negeri berjaya mengurangkan kadar jenayah di negeri masing-masing dengan begitu cemerlang, iaitu Selangor 1,400 kes, Kuala Lumpur 1,100, Johor 660 dan Perak, 400.

(END)